

# **PENYEMARAKAN SEMANGAT PATRIOTISME DAN INTEGRASI NASIONAL MELALUI BAHASA DARI SUDUT UNSUR BUDAYA MELAYU**

**Rozita binti Che Rodi**  
**Hashim bin Musa**  
**Salmah Jan binti Noor Muhammad**  
Universiti Putra Malaysia

**ita\_cherodi@upm.edu.my**

## **Abstrak**

Kertas kerja ini akan menelusuri kedudukan bahasa bukan setakat alat komunikasi tetapi elemen pembentuk jati diri dan maruah masyarakatnya, pemupuk semangat kekitaan (*esprit de corps*) dan integrasi nasional, mencerminkan kehalusan dan ketinggian budi pekerti, alat pencatat, perakam, penyebar dan pewaris khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan sesuatu budaya bangsa yang diperturunkan dari generasi ke generasi, wadah dan wahana pembentukan negara bangsa dan peradaban serta budaya masyarakatnya. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan Malaysia milik sepunya rakyat Malaysia sebagai wadah dan wahana ilmu pengetahuan, sains, teknologi, pendidikan, persuratan dan pentadbiran bagi negara Malaysia dapat mengolah, membentuk dan mewarnakan seluruh pencapaian, kemajuan dan ketinggian peradaban Malaysia dalam acuan budayanya sendiri, iaitu budaya negara bangsa Malaysia, bukan negara bangsa Inggeris, Cina atau Jepun. Ini akan menyemai dan menyemarakkan semangat patriotisme, iaitu rasa bangga dan kasih akan negara Malaysia, sebagai tanah air tempat tumpah darah rakyat jelata Malaysia. Satu bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia akan menimbulkan integrasi nasional dari segi budaya kerana bahasa Melayulah yang akan mengungkapkan semua unsur budaya dan pembangunan peradaban Malaysia.

**Kata kunci:** Integrasi Nasional, keutuhan Budaya, pembangunan Budaya, heterogen, patriotisme.

## **PENDAHULUAN**

Pertautan antara bahasa dengan sesuatu budaya bangsa menjadi hal yang sangat penting untuk difahami dengan mendalam agar kewujudan bahasa itu tidak dinilai sekadar sebagai alat komunikasi semata-mata. Apabila bahasa dinilai daripada sudut yang sempit, iaitu sebagai alat komunikasi semata-mata, maka peranan bahasa sebagai roh atau jiwa sesuatu budaya bangsa tidak difahami atau tidak dianggap penting, sehingga orang yang berkaitan dengan pandangan itu tidak menilai pentingnya bahasa milik bangsanya sebagai asas jati diri. Mereka tidak mempunyai rasa bangga dan tidak merasakan perlunya memperjuangkan bahasa milik bangsanya dalam pembangunan dan pembudayaan sejagat masyarakatnya. Mereka bersikap terlalu liberal sehingga mindanya mudah tertawan oleh sesuatu unsur dari luar, yang dipercayainya agung dan membawa kemajuan bangsa, budaya dan negara. Antara unsur itu termasuklah budaya dan corak pemikiran masyarakat luar yang dibawa dan diterima masuk dalam masyarakat Melayu.

Melihat kepada keadaan ini seharusnya menjadikan pembinaan negara bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme. Ia menjadi semakin penting lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang membenarkan

pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia, tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara.

Hasrat untuk membentuk sebuah negara bangsa dalam konteks Malaysia boleh diuraikan seperti berikut:

“...[Kami berhasrat] membentuk sebuah negara yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, berintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompoknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah Bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.”

(Mahathir Mohamad, 1991)

Negara bangsa mempunyai beberapa faktor pemangkin, iaitu:

1. Bahasa kebangsaan/bahasa rasmi – bahasa yang dikongsi bersama oleh rakyat dalam perhubungan rasmi dan kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks negara bangsa Malaysia, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang menjadi alat perpaduan dan juga selaku bahasa perhubungan utama masyarakat.
2. Integrasi – merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional antara kumpulan-kumpulan daripada segi sosial, wilayah, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan politik.
3. Kewarganegaraan – membentuk identiti rakyat dalam negara. Semangat bersatu padu dan rasa kesepunyaan dalam budaya, pendidikan, bahasa, ekonomi dan politik boleh menyatupadukan rakyat.
4. Patriotisme – merupakan perasaan cintakan tanah air yang mendalam berasaskan kesedaran seseorang terhadap kewarganegaraannya dan kesetiaan teragung sehingga sanggup berkorban nyawa untuk tanah airnya. Menerusi patriotisme, bangsa akan menjadi kuat, berani, mempunyai ketahanan mental, emosi dan fizikal dalam membentuk ketahanan nasional dan menghadapi cabaran mendatang.
5. Demokrasi – merupakan pemberian hak kepada semua warganegara dalam memilih pemerintahan negara. Ia merupakan alat mewujudkan keutuhan pentadbiran. Negara bangsa wujud apabila terdapat kefahaman mendalam tentang demokrasi yang memberikan peluang dan ruang kepada rakyat terlibat dalam pentadbiran negara.

Justeru, nilai budaya Malaysia harus menjadi asas kepada kemajuan negara dan bangsa. Perpaduan merupakan aspek penting dalam pembangunan negara. Kemajuan yang dinikmati sekarang adalah hasil daripada perpaduan erat antara pelbagai kaum di negara ini. Dalam sebuah negara bangsa, rakyatnya berkongsi identiti, lambang, kebudayaan, nilai dan semangat yang menjadi ciri dan hasrat negara bangsa tersebut.

“Warga global yang kita hasratkan ialah warga yang berakar nasional dan berakar internasional, maksudnya di samping kita hebat dalam negara, kita juga berperanan di arena antarabangsa. Akar kita berpaksi di kota dan desa, namun akal kita menerjah ke serata dunia. Warga global bertunjangkan budaya

Malaysia dan ajaran Agama yang suci. Dimensi baharu kita menuntut kita melonjak ke hadapan dengan memperkukuh daya saing bangsa untuk menjadi antara yang terbaik di pentas dunia. Kita semakin bersinar dalam dunia yang serba mencabar. Kita inginkan Malaysia sebagai contoh, menjadi jenama antarabangsa. Kejayaan inilah menjadi asas untuk menjana warga global seterusnya.”

(petikan ucapan Dato’ Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perhimpunan Agung UMNO, 2005)

Sejak zaman Empayar Srivijaya sekitar abad ke-7 M sehingga ke abad ke-19 M, bahasa Melayu menjadi *lingua franca* bagi seluruh wilayah ini dalam perdagangan dan perhubungan antarabangsa dan juga menjadi bahasa rasmi dan bahasa persuratan bagi pusat-pusat pemerintahan di seluruh rantau ini. Apabila orang-orang Barat sampai ke wilayah ini, mereka mendapati bahawa bahasa Melayu ialah bahasa perhubungan luas antara pelbagai suku kaum, etnik, dan pusat-pusat kerajaan sama ada dalam perhubungan perdagangan ataupun surat-menyurat rasmi dan juga persuratan dan kesusasteraan, sehingga wilayah ini secara keseluruhan terkenal dengan nama Kepulauan Melayu atau the Malay Archipelago. William Marsden (1754-1836) seorang orientalis dan linguist Inggeris yang telah mengkaji bahasa Melayu dan menulis kamus dan tatabahasa bahasa Melayu, ketika mula-mula sampai di wilayah ini pada awal abad ke-19 mendapati bahawa:

“The Malayan language (BM) prevails throughout a very extensive portion of what is vaguely termed as the East Indies including the Malayan peninsula, together with the islands of Sumatra, Java, Borneo, Celebes and innumerable others, as far as to the eastward as the Moluccas, to the southward as the island of Timor, and to the northward as the Philippines, formally collectively (called) the Malayan Archipelago... the Malayan language (BM) is generally employed... as the medium of commercial and foreign intercourse, and every person of whatever nation, who frequents a port of trade must negotiate his business in this tongue, either speaking himself or employing an interpreter. From hence it is that, by comparison with a similar prevalence of a dialect of Italian or Catalan along the shores of the Mediterranean, it has commonly received the appellation of the *lingua franca* of the East. (BM telah digunakan secara meluas di rantau yang dinamakan secara kabur sebagai Hindia Timur, termasuk Semenanjung Tanah Melayu, pulau-pulau Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, dan banyak lagi; iaitu ke sebelah timurnya Maluku, ke sebelah selatannya Pulau Timor dan ke sebelah utaranya Filipina, yang secara kolektif terkenal dengan nama Kepulauan Melayu. BM digunakan dalam perhubungan perdagangan dan interaksi antara bangsa-bangsa, dan sesiapa sahaja yang berdagang di pelabuhan-pelabuhan di rantau ini, semestinya berunding dalam bahasa ini secara terus atau melalui penterjemah. Oleh itu, secara perbandingannya BM telah mencapai taraf yang sama dengan dialek Itali Catalonia sebagai *lingua franca* di seluruh pesisiran laut Mediterranean, BM sebagai *lingua franca* bagi seluruh wilayah Timur).”

(William Marsden, 1812 : i)

Suasana penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua franca of the East* berterusan berlaku dan mewarnai seluruh alam Melayu dengan sifat dan jati Melayu selama ratusan tahun, sehinggalah permulaan abad ke-20 apabila kuasa penjajah Barat, iaitu Inggeris bagi Semenanjung Tanah Melayu dan utara Borneo, Belanda bagi kepulauan Sumatera, Jawa,

selatan Borneo, Sulawesi, Maluku, Madura, dan Bali, dan Sepanyol bagi kepulauan Filipina, masing-masing telah memaksakan penggunaan bahasa mereka sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan ke atas jajahan takluk mereka itu. Maka bermulalah kemerosotan status BM sebagai lingua franca wilayah ini, dan sebagai bahasa rasmi kerajaan dan bahasa pengantar pendidikan. Bahasa penjajah, iaitu Inggeris di Malaya dan Borneo Utara, Belanda di Indonesia, dan Sepanyol di Filipina (kemudian bahasa Inggeris Amerika digunakan apabila dijajah oleh Amerika Syarikat) telah mengambil alih peranan-peranan itu. Hanya apabila kemerdekaan dicapai oleh Indonesia (1945), dan Tanah Melayu (1957), maka bahasa Melayu (bahasa Indonesia) telah mula dikembalikan statusnya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan di kedua-dua buah negara ini, kecuali Filipina yang terus menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan.

### PERANAN BAHASA DALAM PEMBINAAN BUDAYA, JATI DIRI DAN PERADABAN BANGSA

Hakikat yang amat rapat hubungannya ialah bahawa bahasa sebagai asas pembinaan tamadun bangsa tidak terbatas pada aspek kemajuan lahiriah semata-mata. Sesuatu bangsa mungkin sahaja menjadi maju dalam pembangunan lahiriah seperti prasarana, ekonomi, industri dan sebagainya, sekalipun dengan meminjam bahasa asing. Namun belumlah dapat dikatakan bahawa bangsa itu benar-benar maju kerana kegagalannya mengungkapkan segala konsep ilmu dan budaya serta pemikiran dalam bahasanya sendiri.

Sebagai satu lumrah alam, sesuatu bangsa dan peradaban itu akan maju berasaskan acuannya sendiri. Tidak ada bangsa dan peradaban pada masa yang lalu dan akan datang menjadi maju berasaskan acuan asing lebih-lebih lagi berasaskan acuan bekas tuan penjajahnya. Satu daripada asas acuan tempatan ialah bahasanya. Seperti kata Samuel Huntington dalam bukunya yang kontroversi *Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*:

*“Language is realigned and reconstructed to accord with the identities and contours of civilization. (Bahasa disejajarkan semula dan direkonstruksi berselari dengan jati diri dan alunan naik turun peradabannya).”*

(S. Huntington, 1996 : 64).

Fungsi bahasa bukan setakat menjadi alat komunikasi, tetapi bahasa juga amat besar perannya dalam membentuk jati diri, memupuk semangat kekitaan (*esprit de corps*), perpaduan dan maruah masyarakat penuturnya, mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi bahasanya dan ketinggian adab susilanya dan sahsiahnya, iaitu merupakan asas dan unsur yang utama dalam pembinaan budaya, jati diri dan peradaban bangsa.

Kebudayaan dan bahasa amat rapat hubungannya, kerana bukan sahaja bahasa merupakan satu elemen budaya tetapi bahasa juga mencatat, mendukung, menghimpun, mencerminkan, mewariskan dan melangsungkan khazanah dan elemen-elemen budaya sesebuah masyarakat dari generasi ke generasi. Madah dalam bahasa Melayu bahawa “Bahasa jiwa bangsa, bahasa menunjukkan bangsa” membayangkan hakikat ini. Bahasa tidak akan pupus selagi ada masyarakat dan budayanya yang menggunakan bahasa itu. Sebaliknya apabila bahasa itu tidak digunakan lagi maka budaya masyarakat itu akan pupus, iaitu dari segi citra/identiti dan sahsiahnya, dan kumpulan manusia itu akan menyerapkan ciri-ciri budaya, citra dan sahsiah asing dari masyarakat angkatnya, misalnya

orang-orang Hawaii dan Maori yang telah mengambil bahasa Inggeris dan budaya Inggeris sepenuhnya, sedikit demi sedikit melunturkan bahasa, budaya, citra dan sahsiah indigenus mereka sendiri. Namun kini orang-orang Maori telah cuba menghidupkan kembali ciri-ciri budaya indigenus mereka termasuklah bahasa mereka.

Teori Sapir-Whorf (Edward Sapir (1884-1939) dan Benjamin Lee Whorf (1897-1941)) menyatakan bahawa bahasa menentukan cara kita berfikir (*linguistic determinism*) dan perbezaan sistem pengekodan dalam sesuatu bahasa tidak akan didapati dalam bahasa yang lain (*linguistic relativism*). Sapir menyatakan bahawa struktur semantik bahasa yang dituturkan oleh seseorang telah ditentukan atau dibatasi oleh cara-cara dan juga keadaan di mana mereka membentuk pandangan dunia di tempat mereka hidup. Alam persekitaran dan keadaan dunia tempat manusia hidup seperti topologi, cuaca, fauna dan flora, jenis pekerjaan dan penyaraan hidup, dan segala elemen budaya amat kuat menentukan pembentukan dan penggunaan bahasa dari segi kosa kata, bentuk dan struktur tatabahasa, semantik dan sebagainya.

Bahasa Inggeris dan bahasa Arab mempunyai sistem kala, jantina, jamak, dan infleksi (akusatif, subjektif, posesif) yang amat rumit, yang tidak ketara atau tiada dalam bahasa Melayu. Ciri-ciri bahasa demikian sangat kuat mempengaruhi dalam pembentukan pandangan alam dan jati diri masyarakat penuturnya. Implikasinya penggunaan bahasa asing sebagai bahasa ilmu, bahasa pendidikan dan bahasa sains dan teknologi akan mengubah cara mereka melihat dunia mereka, cara berperlakuan dan berinteraksi sesama anggota masyarakat mereka yang akan mengubah pula keperibadian mereka sedikit demi sedikit.

Golongan elit di negara-negara mundur di Asia, Afrika dan Amerika Selatan, yang menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pertama terutama sekali bahasa bekas tuan penjajahnya, misalnya bahasa Inggeris, Perancis, Sepanyol dan Portugis, adalah lebih rapat hubungan hati budinya dengan masyarakat dan budaya asing itu dibandingkan hubungannya dengan masyarakat dan budaya anak bangsa tempatannya sendiri yang menggunakan bahasa tempatan sebagai bahasa pertama mereka. Ini akan menimbulkan jurang dan ketegangan sosial yang serius yang boleh merosakkan solidariti dan kestabilan masyarakatnya, seperti yang berlaku di negara-negara yang disebutkan itu.

Bahasa juga amat rapat dengan pemikiran dan hati budi sesebuah masyarakat. Masyarakat yang maju dari segi peradabannya, iaitu yang mempunyai sistem politik, pemerintahan, ekonomi, pentadbiran, perundangan, pertahanan, pendidikan, ilmu, sains, teknologi, dan komunikasi yang canggih, mempunyai sistem bahasa dan persuratan yang tinggi dan canggih juga. Bahasa merupakan wadah dan wahana peradaban, dan peradaban dicorakkan dan diwarnai oleh sistem bahasa dan persuratannya. Segala kandungan dan elemen peradaban dapat difahami dan dibudayakan ke dalam masyarakatnya melalui bahasa indigenusnya yang dapat difahami dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh rakyat jelatanya. Suasana dan keadaan alam pemikiran dan ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat sangat rapat kaitannya dengan keadaan bahasanya.

Oleh yang demikian, penggunaan bahasa indigenus atau bahasa tempatan sendiri sebagai wadah dan wahana ilmu pengetahuan, sains, teknologi, pendidikan, persuratan dan pentadbiran negara dapat mengolah, membentuk dan mewarnakan seluruh pencapaian, kemajuan dan ketinggian peradabannya dalam acuan budaya tempatan sendiri. Ini akan membina kekuatan dalaman dan keyakinan diri yang mampu memupuk pula jati diri, sahsiah, solidariti, maruah dan rasa kebanggaan kepada elemen budaya dan masyarakatnya sendiri.

Inilah bibit-bibit yang akan dapat membina semangat kekitaan atau *esprit de corps* dan patriotisme di kalangan rakyat jelata yang boleh menuju ke arah pembentukan keutuhan atau solidariti masyarakat dan budayanya, demi pembangunan ke arah negara

maju. Inilah peranan yang mesti dan boleh dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu, sains, teknologi dan bahasa penyatuan rakyat dan negara Malaysia bahkan seluruh umat Melayu di alam Melayu ini.

### PEMERKASAAN BAHASA MELAYU DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI DAN BUDAYA UMAT MELAYU SERTA PERADABAN BANGSANYA

Perkara-perkara sensitif yang dikawal oleh Perlembagaan (Pindaan) Akta 1971, Akta A30, yang tidak boleh dipersoalkan ada menyebut tentang perkara-perkara berikut:

1. Tentang kewarganegaraan dari segi hak, status, kemudahan, dan sebagainya.
2. Status Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
3. Status Islam sebagai agama persekutuan
4. Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera
5. Martabat, bidang kuasa dan hak istimewa Raja-Raja Melayu (*sovereignty and prerogatives*)

Mempersoal dan membantah perkara ini akan merosakkan keutuhan negara Malaysia. Ini kerana kesemua perkara tersebut merupakan tunjang kepada keutuhan masyarakat Melayu Malaysia. Melalui perkara tersebut telah menjadikan bangsa budaya Melayu dilabelkan dan dicitrakan dengan beberapa nilai murni yang universal seperti menghormati tetamu, bersikap bertolak ansur, muafakat, menghormati orang tua dan sentiasa memperoleh persetujuan bersama. Ini menjelaskan bahawa sesuatu bahasa yang utuh akan menjadi pemangkin kepada pemerksaan jati diri dan budaya serta peradaban bangsanya.

Pada zaman sebelum ditakluki kuasa penjajah, umat Melayu di seluruh alam Melayu telah dicantumkan dalam satu jaringan jati diri yang dikenali sebagai “Bangsa Jawi”, iaitu bangsa Melayu, yang menduduki di seluruh “Tanah Jawi”, iaitu Kepulauan Melayu dengan pusat-pusat peradabannya muncul pada zaman yang berbeza-beza di Samudera Pasai, Aceh, Melaka, Patani, Kelantan, Terengganu, Brunei, Johor-Riau, Palembang, Gerisik, Batawi, Banjarmasin, Makasar, Ternate, Sulu, Mindanao dan lain-lain. Pusat-pusat itu menggunakan “Bahasa Jawi”, iaitu bahasa Melayu dengan “tulisan Jawi”, iaitu tulisan Melayu yang sebenar-benarnya sebagai media persuratan utama bagi pengajian dan penyebaran agama Islam, walaupun masing-masing mempunyai bahasa ibunda mereka sendiri.



Rajah 1 Alam Melayu (Barnard, T.P (ed.), 2004 : vii)

Ini tidak menafikan hakikat bahawa pada zaman empayar Srivijaya, bahasa Melayu pernah dijadikan sebagai bahasa rasmi kerajaan dan bahasa komunikasi luas di dalam wilayahnya, namun banyak elemen budaya dan persuratannya diwarnai oleh pengaruh India yang didukung oleh golongan istana sahaja dan tidak menyerap ke dalam kalangan masyarakat dan rakyat jelatanya, iaitu seperti yang ditegaskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978:163).

Istilah Melayu atau Jawi merangkumi pelbagai suku bangsa dan etnik yang menduduki Kepulauan di Tenggara Asia termasuk Semenanjung Tanah Melayu. Elemen penyatuan dan kesepunyaan tidak lain dan tidak bukan ialah bahasa Melayu bagi seluruh rumpun Melayu daripada ratusan suku kaum dan etnik (Aceh, Minang, Batak, Mendailing, Jawa, Sunda, Madura, Ambon, Bali, Sasak, Bugis, Banjar, Iban, Kadazan, Murut, Dusun, Melanau, Suluk, Tausuk, Meranau, dll). Para ulama dan pelajar atau santri di pesantren, pondok, madrasah dan menasah di seluruh Kepulauan Melayu mengajar, belajar, dan bermatlaah serta berbicara tentang ilmu-ilmu Islam dalam bahasa Melayu berpandukan kitab-kitab kuning yang bertulisan Jawi

Penggunaan tulisan Jawi mengimplikasikan mereka beragama Islam. Oleh itu, bahasa Melayu dengan tulisan Jawi menandakan satu jati diri yang khusus bagi orang Melayu, iaitu: berbahasa Melayu, berbudaya Melayu yang diwarnai oleh agama Islam. Oleh itu, sesiapa yang masuk Islam dianggap sebagai “masuk Melayu” dan bagi lelaki seharusnya mesti “berjawi” atau “berkhitan” bila sampai umur baligh. Apabila mubaligh Kristian Barat datang mereka menterjemahkan kitab Injil ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi untuk cuba menerobos masuk ke dalam alam pemikiran Melayu dan menyebarkan agama Kristian melalui perantaraan elemen tempatan yang menjadi salah satu jati diri Melayu, iaitu bahasa Melayu dalam tulisan Jawi.

Dari sudut amalan dan pengajaran Islam, ada tiga tema utama yang menyatukan hati budi umat Islam di seluruh rantau Kepulauan Melayu ini, iaitu:

1. Aqidah dan ilmu kalam berdasarkan al-Ash`ariyyah, iaitu ahli sunnah wa al-jama`ah
2. Fikah berdasarkan al-Shafi`iyyah atau Mazhab Shafi`i
3. Ilmu tasawuf dan ilmu akhlak berdasarkan Iman al-Ghazali

Ketiga-tiga tema utama Islam ini telah menzahirkan suatu pewarnaan dan jaringan hati budi yang ampuh dan akrab di kalangan umat Melayu Islam di seluruh alam Melayu yang mengikut Muhammad `Uthman El-Muhammady (2004 : 24) mampu menjadikan wilayah ini sebagai benteng amalan ahli sunnah wa al-jama`ah yang padu dan kukuh sejak kedatangan awal Islam lagi. Pewarnaan dan jaringan akidah, hukum hakam, akhlak dan ibadah yang sealiran ini, tidak syak lagi didasari dan didorong oleh hakikat bahawa terdapatnya sejumlah kitab dan teks pengajian Islam yang sama yang digunakan secara meluas di pusat-pusat pengajian Islam tradisional, iaitu di madrasah, pondok, pesantren, menasah dan masjid-masjid di seluruh pelosok alam Melayu. Mohd Noor Ngah (1980 : 9) dan Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995) telah menyenaraikan sejumlah karya yang juga dikenali sebagai kitab kuning (kerana kertasnya berwarna kekuningan) yang dihasilkan oleh para ulama dari pelbagai pelosok alam Melayu, yang telah dijadikan teks utama pengajian Islam di pusat-pusat pengajian Islam tradisional itu. Karya-karya itu ialah:

1. *Bidayat al-Hidayat*, ilmu kalam, oleh Muhammad Zain Jalaluddin Achen, 1757.
2. *Siraj al-Huda*, ilmu kalam, oleh Muhammad Zainuddin al-Sambawi, 1886.
3. *Aqidat al-Najin*, ilmu kalam, oleh Zainal `Abidin al-Fatani, 1890. (ketiga-tiga itu merupakan karya tejemahan/saduran daripada karya *Umm al-Barahin* oleh al-Sanusi).

4. *Sirat al-Mustaqim*, fiqah, oleh Nuruddin al-Raniri, 1634.
5. *Sabil al-Muhtadin*, fiqah, oleh Myhammad Arshad al-Bajari, 1780.
6. *Hidayat al-Salikin*, tasawuf, oleh Abdul Samad al-Falimbani, 1778.
7. *Siyar al-Salikin*, tasawuf, oleh Abdul Samad al-Falimbani, 1778.
8. *Al-Durr al-Thamin*, ilmu kalam, oleh Daud al-Fatani, 1816.
9. *Jama` al-Fawaid*, al-Hadith, oleh Daud al-Fatani, 1823.
10. *Furu` al-Masa`il*, fiqah, oleh Daud al-Fatani, 1838-41.
11. *Muniyyat al-Musalli*, panduan solat, oleh Daud al-Fatani.
12. *Hikam*, tasawuf, penterjemah oleh Melayu anonymous.
13. *Taj al-Arus*, tasawuf, penterjemah oleh Uthman Shihabuddin al-Funtiyani, 1886.
14. *Fath al-Arifin*, tasawuf, oleh Ahmad Khatib al-Sambawi, 1878.
15. *Matla` al-Badrain*, ilmu kalam dan fiqah, oleh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, 1885.
16. *Tanbih al-Ghafilin*, al-Hadith, oleh `Abdullah `Abdul Mubin al-Fatani, 1770.
17. *Jawhar al-Mauhub*, oleh `Ali bin `Abdul Rahman al-Kelanani, 1888.
18. *Kitab Sifat dua Puluh*, ilmu kalam, oleh `Uthman bin Abdullah al-Betawi, 1886.
19. *Kasf al-Ghaibiyah*, oleh Zainal `Abdin bin Muhammad al-Fatani, 1883.
20. *Turjuman al-Mustafid/Tafsir al-Baidhawi*, terjemahan al-Qur'an, oleh Abdul Ra'uf al-Singkili dan Baba Daud bin Ismail al-Jawi.
21. *Munabbih al-Ghafilin*, akhlak dan tasawuf, oleh Abdul Samad Muhammad Salleh/Tuan Tabal, 1868.
22. *Jala al-Qulub*, akhlak dan tasawuf, oleh Abdul Samad Muhammad Salleh/Tuan Tabal, 1870.

Natijahnya ialah misalnya terdapat keserupaan dalam amalan, bacaan, perlakuan, wirid dan doa dalam ibadat solat berjemaah di masjid-masjid di seluruh Alam Melayu, sama ada di Malaysia (Semenanjung dan Malaysia Timur), Indonesia (Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi dan lain-lain), Brunei, Selatan Thai, dan Selatan Filipina, kerana panduan ibadat solatnya adalah daripada kitab-kitab sumber yang sama.

#### **KESANTUNAN BERBAHASA DEMI PENYEMAIAN DAN PEMUPUKAN BUDAYA SAHSIAH DAN BUDI PEKERTI YANG MULIA**

Kesantunan boleh didefinisikan sebagai halus budi bahasa dan pekerti dalam kelakuan berinteraksi dan berkomunikasi supaya terhindar konflik dan persengketaan antara dirinya dengan pendengarnya, dan sentiasa menjaga air muka pendengarnya. Dalam pengertian orang Melayu kesantunan seharusnya dikaitkan dengan tiga komponen keperibadian atau sahsiah seorang manusia, iaitu:

1. Budi pekerti dan adab sopan yang murni, iaitu merujuk kepada keperibadian, fiil perangai, tindak tanduk dan tingkah laku yang baik, sopan santun, sesuai, wajar, pemurah, penyayang dan penuh menyumbang dan bermanfaat kepada masyarakat dan komunitinya.
2. Budi bahasa dan budi bicara yang mulia, iaitu merujuk kepada pertuturan yang manis, indah, sopan, positif, bijaksana, bernas, dan penuh pengajaran serta sumbangan kepada pendengar/khalayaknya.
3. Hati budi dan akal yang tinggi, iaitu merujuk kepada akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu, kebijaksanaan, ketenangan, kewarasan, kemuliaan, kebaktian, kebaikan, kekhayusan dan keikhlasan; kalbu yang salim yang

tertumpu kepada Khaliknya, dan akal yang sarat dengan ilmu yang benar hidayat daripada Khaliknya jua.

Dalam masyarakat Melayu orang-orang yang dianggap mempunyai nilai etika, moral dan akhlak yang tinggi dan dipandang mulia oleh masyarakat dinamakan sebagai orang yang 'budiman' yang mempunyai tiga sifat utama tadi, iaitu (1) budi pekerti dan adab sopan yang mulia, (2) budi bahasa dan budi bicara yang santun, indah, bernas dan berwibawa, dan (3) hati budi dan akal yang tinggi dan bijaksana. Pantun Melayu telah mengabadikan kemuliaan hati dan budi seperti dalam rangkap-rangkap dan dengan imejan-imejan yang indah berikut ini:

Tegak rumah kerana sendi,  
Runtuh sendi rumah binasa;  
Tegak bangsa kerana budi,  
Runtuh budi hilanglah bangsa.

Bunga melati bunga di darat,  
Bunga seroja di tepi kali;  
Hina besi kerana karat,  
Hina manusia tidak berbudi.

Di sana padi di sini padi,  
Baru bernama sawah dan bendang;  
Di sana budi di sini budi,  
Baru sempurna bernama orang.

Awal pertama orang berbangsa,  
Kedua banyak ribu dan laksa;  
Ketiga di majlis bermanis muka,  
Keempat banyak berbudi bahasa.

Limau manis dimakan manis,  
Manis sekali rasa isinya;  
Dilihat manis dipandang manis,  
Manis sekali hati budinya.

(Hashim Hj. Musa, 2001 : 80)

Imej dan citra yang dikandung oleh rangkapan pantun itu seperti 'rumah dan sendi, bunga melati, bunga seroja, padi, sawah dan bendang, banyak ribu dan laksa', dengan jelas dan penuh bertenaga melambangkan hati budi Melayu dengan objek dalam alam ini. Alam yang boleh difahami dan dirasai manusia dan masyarakat Melayu melalui cerapan pancaindera mereka merupakan guru yang terbentang luas; hikmat dan hakikatnya di'alami' sebagai 'peng-alam-an' yang sebenar-benarnya dalam lingkaran hidup mereka di dunia ini.

Orang yang berbudi pekerti mulia, iaitu seorang budiman, ialah yang tahu kedudukan dan tugas seseorang dan sesuatu perkara dengan tepat dan benar, oleh itu mampu bertindak dan berkelakuan dengan wajar, bijaksana, adil dan saksama, seperti kata pepatah:

Kalau hendak tahu baik manusia,  
Tengok kepada tingkah lakunya:  
Dalam agama ia bertakwa,  
Dalam adat ia taat,  
Dalam lembaga ia setia,  
Dalam undang ia terpdang,  
Dalam hukum ia maklum,  
Dalam bercakap ia beradab,  
Dalam berjalan ia sopan,  
Dalam duduk ia tawaduk,  
Dalam berdiri ia berbudi.

Kalau hendak tahu baiknya orang,  
Budi bahasanya engkau pandang:  
Bercakap lidahnya sedap,  
Berkata bermanis muka,  
Berbual berlurus akal,  
Bermesyuarat menurut adat,  
Bekerja dengan ilmunya,  
Kepada sahabat ingat mengingat,  
Kepada saudara jaga menjaga,  
Kepada kawan segan-menyegan,  
Ditimpa musibah ia tabah,  
Ditimpa malang ia tenang,  
Susah tidak berkeluh kesah,  
Senang tidak sewenang-wenang,  
Melarat tidak mengumpat,  
Kaya tidak menganiaya,  
Berlebih tidak menindih,  
Kurang tidak meradang.

Kalau hendak tahu orang berbudi,  
Tengok kepada budi pekerti:  
Hati bersih muka jernih,  
Sayang tidak pilih memilih,  
Hati penyayang dada pun lapang,  
Adil tidak memandang orang,  
Dengan saudara bela-membela,  
Dengan orang tenggang- menenggang,  
Berbudi tidak mengharap puji,  
Berjasa tidak mengharap nama,  
Dalam sempit dia berlapang,  
Dalam sakit ia bertenang,  
Dalam susah ia bermurah,  
Dalam menderita ia bersedekah.

Kalau hendak tahu orang berbangsa,  
Tengok kepada budi bahasanya:  
Dalam berkata berlemah lembut,  
Dalam melangkah berpatut-patut

Dalam memakai pada yang sesuai,  
Dalam makan pada yang sepadan,  
Bila duduk tahu tempatnya,  
Bila tegak tahu adatnya.  
Ramah pada yang susah,  
Taat pada yang beradat,  
Setia pada yang bertakwa,  
Berguru pada yang tahu,  
Mencontoh pada yang senonoh,  
Belajar pada yang benar.

(Tenas Effendy, 2004)

### KEINDAHAN BUDAYA DAN BAHASA MELAYU

Orang Melayu dengan jelas dan nyata menegaskan bahawa bahasa ialah satu unsur yang penting dalam mengungkapkan keindahan, seperti yang tercantum dalam madah berikut:

Yang kurik itu kundi,  
Yang merah itu saga,  
Yang keras itu takal;  
Yang baik itu budi,  
Yang indah itu bahasa.  
Yang cerdas itu akal.

Bahasa pada hakikatnya ialah proses penzahiran, iaitu daripada sesuatu yang ada pada tahap fikiran melimpah keluar dan lahir dalam bentuk zahirnya apabila diungkapkan melalui perkataan dan ayat. Sepertilah seluruh alam jagat raya ini merupakan penzahiran daripada Iradat/Kehendak dalam Ilmu Allah SWT, apabila diungkapkan dengan madah kudus Ilahi “Kun/Jadi” maka jadilah ia, iaitu seluruh alam ini dan apa-apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Alangkah tepatnya bila Allah SWT mengistilahkan alam ini dan apa-apa yang ada di dalamnya sebagai “ayat”, iaitu hasil limpahan dan penzahiran daripada Ucapan Ilahi sebagai Tenaga Penciptaan Kudus (*Divine Creative Energy*) yang Maha Agung, yang menjadikan sesuatu daripada tiada kepada ada semata-mata untuk dijadikan dalil dan bukti bagi Nama, Sifat dan *Af'al*-Nya yang Maha Hak (Benar) supaya dikenali oleh manusia sebagai satu kebenaran yang mutlak, seperti yang diisytiharkan dalam ayat 53 Surah *Fussilat* berikut:

“*Sanurihim āyātina fi l-afāq wa fi anfusihim, hattā yatabayyana lahumu l-haqq*” (Kami akan menunjukkan kepada mereka ayat-ayat kami pada segala ufuk (alam ini) dan di dalam diri mereka sendiri sehingga menjadi nyata kepada mereka akan al-Haq (iaitu Allah yang Maha Benar))

Penciptaan alam ini hasil daripada madah ucapan tenaga kreatif Ilahi yang kudus, iaitu “Kun”. Oleh itu, penciptaan alam ini adalah dalam keadaan yang paling indah, paling harmonis, paling seimbang dan paling sempurna yang dinamakan Kosmos, kerana berpunca dan bermula daripada Zat, Nama, Sifat dan *Af'al* Allah SWT yang Maha Pencipta (Khālik), Maha Sempurna (Kāmil), Maha Agung (ʿAzim), Maha Bijaksana (Hākim), Maha Indah (Jamīl), Maha Mengetahui (ʿĀlim), dan sifat-sifat kudus yang lain. Oleh itu, bahasa yang Maha Indah ialah bahasa Ilahi yang kudus yang Maha Benar, Maha Tepat dan Maha Wajar, sama ada bahasa yang menzahirkan alam yang luas terbentang atau

bahasa yang menzahirkan al-Qur'an iaitu Kalāmullah yang termaktub dan terungkap dalam gelombang suara dan lorekan tulisan yang unggul. Seperti maksud hadith “Allah adalah Maha Indah dan Dia suka akan keindahan” (*Allāhu jamīlū wa yahibbul jamāl*). Alangkah tepat dan benarnya Hadis ini!

Hakikat daripada hujahan ini mengimplicasikan dengan jelas, tegas dan nyata apakah yang dimaksudkan dengan bahasa yang indah. Sesungguhnya untuk menjadikan sesuatu ucapan, sesuatu madah, sesuatu ungkapan bahasa sebagai indah, semestinya juga mengandungi makna yang benar, tepat dan wajar, selain daripada mempunyai pemilihan kata dengan lambang yang penuh simbolik, dengan alunan ritma dan irama yang bersajak dan penuh puitis yang boleh menggamit dan menarik hati dan budi pendengarnya, seperti yang dibuktikan oleh bahasa al-Qur'an dengan setepat-tepatnya.

Bahasa Melayu setelah dipengaruhi Islam, mengikut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978 : 41 & 169), telah bertukar daripada bahasa yang sebelumnya dikawal oleh magis, mitos, tahyul, tradisi budaya animisme, dan sekularisme, kepada bahasa yang saintifik, tepat, jitu, padat, dan jelas, yang mengutamakan hujah yang rasional dan logikal, iaitu dimulakan oleh para ahli sufi, ulama, penterjemah dan pentafsir di alam Melayu yang tentunya terpengaruh oleh al-Qur'an yang menekankan ketepatan, kejituan, dan kejelasan [*kitābun fussilat āyātuhu* (Surah *Fussilat* : 3)] dan tidak bengkok dan terpesong [*ghaira dhī `iwajin* (Surah *al-Zumar* : 28)].

Natijah daripada hujahan di atas, bahawasanya penggunaan bahasa Melayu amat penting demi menyemai dan memupuk jati diri, sahsiah dan keperibadian yang merujuk kepada tiga perkara yang disenaraikan dan dihuraikan di atas, iaitu:

1. Budi pekerti dan adab sopan yang mulia,
2. Budi bahasa dan budi bicara yang santun, indah, bernas dan berwibawa,
3. Hati budi dan akal yang tinggi dan bijaksana.

Apabila kita mengambil bahasa asing untuk dijadikan bahasa pengantar ilmu pengetahuan, pendidikan dan komunikasi, maka seluruh jati diri, keperibadian dan sahsiahnya akan berubah, iaitu kita akan ketepikan ketiga-ketiga elemen di atas, dan mula menyerap dan mengambil jati diri dan keperibadian asing yang didukung oleh bahasa itu. Umpamanya pengambilan bahasa Inggeris yang didukung oleh peradaban barat dengan agenda hegemoninya, iaitu sekularisme, materialisme, liberalisme, individualisme, demokrasi ala-Barat, ekonomi pasaran bebas yang tersisih daripada nilai moral, etika dan keagamaan. Gejala demikianlah mengikut Syed Muhammad Naquib al-Attas yang telah menulis 30 tahun dahulu (1978: 118-126), telah berjaya menimbulkan keruntuhan adab dan kekeliruan ilmu dalam kalangan masyarakat Islam, dan telah melahirkan pemimpin-pemimpin yang kasap yang menyebabkan berlakunya kerosakan berikut dalam masyarakat Islam:

1. Menukarkan sistem tulisan yang berasaskan tulisan bahasa Arab kepada tulisan rumi yang mengakibatkan terputusnya secara perlahan-lahan hubungan dengan istilah-istilah dan konsep-konsep asal Islam dan juga dengan bahasa-bahasa komuniti Islam yang lain,
2. Melaksanakan proses penyisihan istilah Arab-Islam, memasukkan istilah-istilah barat dan merosakkan bahasa, makna dan istilah sehingga menimbulkan kekaburan makna kosa kata kunci Islam tertentu, misalnya istilah-istilah kunci ‘pembangunan, kemajuan, kebahagiaan, keadilan, keadilan, ilmu, adab, akhlak, akal’ telah hilang atau kabur makna asalnya,

3. Menyebabkan terbitnya persuratan, akhbar dan jurnal yang bertentangan dengan nilai Islam dari segi kandungan dan tujuannya, dengan barisan penulis yang rendah kualitasnya yang merosakkan nilai tradisi persuratan dan pengungkapan dalam Islam,
4. Menyebabkan munculnya peribadi dan komuniti Muslim pinggiran yang terpisah daripada umat Islam keseluruhannya dengan itu memecahbelahkan semangat perpaduan umat,
5. Menyebabkan terputusnya ikatan dan hubungan kesedaran orang Islam kini dengan tradisi Islamnya yang lampau yang kaya dan agung,
6. Menyebabkan tertubuhnya sistem pendidikan yang diolah dan dirancang untuk meneruskan ideologi sekularisme daripada peringkat bawah sehingga ke paling atas,
7. Menyebabkan munculnya pelbagai bentuk caivinisme dan sosialisme,
8. Menggemburkan semangat jahiliah untuk kembali kepada tradisi, budaya dan adat istiadat sebelum Islam yang kebanyakannya bertentangan dengan ajaran Islam.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian dan penghuraian yang telah dilakukan, dapat dilihat bahawa segala kandungan dan elemen peradaban dapat difahami dan dibudayakan ke dalam masyarakat melalui bahasa kebangsaannya yang dapat difahami dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh rakyatnya demi menjadikannya negara maju.

Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan milik kita sepunya sebagai wadah dan wahana ilmu pengetahuan, sains, teknologi, pendidikan, persuratan dan pentadbiran bagi negara Malaysia dapat mengolah, membentuk dan mewarnakan seluruh pencapaian, kemajuan dan ketinggian peradaban kita dalam acuan budaya kita sendiri, iaitu budaya negara bangsa Malaysia, bukan budaya Inggeris, Cina atau Jepun, iaitu membangun secara ekuitabel dan merata dalam acuan Malaysia sendiri. Ini akan membina kekuatan dalaman dan keyakinan diri bagi memupuk pula jati diri, maruah dan rasa kebanggaan kepada elemen budaya dan masyarakat kita sendiri.

Inilah bibit-bibit yang akan dapat membina semangat kekitaan atau *esprit de corps* dan patriotisme di kalangan rakyat jelata yang boleh menuju ke arah pembentukan keutuhan atau solidariti masyarakat dan budayanya, demi pembangunan ke arah negara maju. Malah, inilah peranan yang mesti dan boleh dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu, sains, teknologi dan bahasa penyatuan rakyat dan negara Malaysia bahkan seluruh umat Melayu di alam Melayu ini.

Sekaligus, pembinaan negara bangsa amat penting bagi memastikan identiti nasional yang dihasratkan tercapai. Ia memerlukan usaha yang gigih dan kerjasama yang erat daripada semua pihak. Semangat bersatu padu, cinta dan kesetiaan kepada negara, patriotisme, berorientasi glocal, keharmonian dan toleransi, berbudi bahasa dan beradab serta memahami, menyanjung budaya dan seni bangsa bukan saja perlu difahami tetapi diamalkan sepenuhnya. Pendidikan ialah pemangkin kepada pembinaan negara bangsa terutama bagi menyemai semangat kenegaraan khususnya pada peringkat awal perkembangan dan diteruskan pada peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Pantun Melayu dengan jelas menegaskan hakikat ini:

Nanas dijual di pasar niaga,  
Ramai orang datang membeli;  
Emas perak perhiasan dunia,  
Budi bahasa perhiasan diri.

Padi perak berdaun suasa,  
Buahnya mengurai emas merah;  
Sudah berbudi lagi berbahasa,  
Itulah tanda bestari bertuah.

Pucuk manis pucuk lenggundi,  
Daun purut digetus rusa;  
Yang manis bernama budi,  
Yang indah bernama bahasa.

Tingkap papan kayu bersegi,  
Sampan sakat di Pulau Angsa;  
Indah tampan kerana budi,  
Tinggi bangsa kerana bahasa.

(Hassan Ahmad (Ed.). 2001)

## RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. Naquib. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1995). *Prolegomena to The Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Razi, Fakhar al-Din. (1969). *Ilmu al-Akhlaq*. English Translation M. S. Hassan Mas`umi, Islamabad: Islamic Research Institute.
- Barnard, T.P (ed.). (2004). *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Singapore: Singapore University Press.
- Gould, J. A. (1992). *Classic Philosophical Questions*. New York: MacMillan.
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Hj. Musa. (2004). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hashim Hj. Musa. (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hassan Ahmad (Ed.). (2005). *Bustan al-Katibin Karangan Raja Ali Haji*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Hashim bin Musa. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan Malaysia.
- Hassan Ahmad (Ed.). (2001). *Karya Agung: Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Huntington, Samuel. (1996). *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon & Schuster.
- Mahathir Mohamad. (1991). *Malaysia Melangkah ke Hadapan*. Kuala Lumpur: ISIS & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid Fakhry. (1991). *Ethical Theories in Islam*. Leiden: E.J. Brill.
- Majid Fakhry. (1997). *Islamic Philosophy, Theology and Mysticism: A Short Introduction*. Oxford: One World Publication.